

NAMA : TINGKATAN :

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR

MODUL *TOP 5* KUALA LUMPUR
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
PRINSIP PERAKAUNAN 3756/1
TINGKATAN 5
Kertas 1
1 ¼ jam



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
- 2. Jawab **semua** soalan.
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D** bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
- 4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
- 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas peperiksaan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

- 1 Perniagaan Aryan menggunakan kaedah garis lurus untuk mengira susut nilai kenderaan sejak 10 tahun yang lalu.
- Apakah prinsip yang diamalkan?
- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Usaha berterusan
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 2 Berapakah bilangan keanggotaan minimum dan maksimum bagi sebuah organisasi koperasi?
- A 2 hingga 20 orang
 - B 2 hingga 50 orang
 - C 2 orang hingga tiada had maksimum
 - D 50 orang hingga tiada had maksimum
- 3 Butiran manakah merupakan liabiliti semasa perniagaan?
- A Faedah atas simpanan belum terima
 - B Faedah atas pinjaman belum bayar
 - C Insurans prabayar
 - D Utiliti prabayar

- 4 Pasangan manakah yang menepati persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Modal (RM)
A	16 000	4 000	20000
B	10 000	22 000	12000
C	24 000	8 000	32000
D	32 000	8 000	24000

- 5 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Shira Enterprise.

Shira menghantar dokumen kepada pelanggannya untuk mengurangkan bayaran yang dikenakan kerana kesilapan terlebih caj.

- Apakah dokumen sumber tersebut?
- A Nota debit
 - B Nota kredit
 - C Makluman debit
 - D Makluman kredit

6 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan.

- *Dikeluarkan oleh pembekal kepada pelanggan*
 - *Berfungsi sebagai peringatan tentang baki hutang tertunggak*

Apakah dokumen bukan sumber tersebut?

- A Sebut Harga
- B Nota Serahan
- C Penyata Bank
- D Penyata Akaun

7 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada buku Perniagaan Komputer Kenny.

Membeli mesin fotostat bernilai RM3 000 dengan cek untuk kegunaan perniagaan.

Apakah jurnal yang sesuai untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Penerimaan Tunai
- D Jurnal Pembayaran Tunai

8 Maklumat yang berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

1 Jan 2025	-	Jumlah penerimaan RM250
1 Jan hingga 31 Jan 2025	-	Jumlah pembayaran RM Z
1 Feb 2025	-	Baki akhir RM25

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada ketua juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM25
- B RM225
- C RM250
- D RM275

9 Pada 1 Jun 2026, Puan Aina membawa masuk sebuah van bernilai RM100 000 ke dalam perniagaan.

Nyatakan catatan bergu dalam lejar manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Bank	Van
B	Van	Bank
C	Kenderaan	Modal
D	Modal	Kenderaan

10 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Amsyar bagi bulan Jun 2026.

	RM
Jualan	23 850
Penerimaan daripada pelanggan	14 156
Pulangan masuk	270
Diskaun diberi	684

Hitung baki akhir Akaun Kawalan Belum Terima bagi Perniagaan Amsyar?

- A RM8 740
- B RM9 694
- C RM23 850
- D RM38 960

11 Maklumat di bawah ini menunjukkan inventori akhir Kedai Kasut Sunshine.

	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Kasut Sukan	4 500	4 320
Kasut Tumit	5 150	5 200
Kasut Sekolah	3 450	3 400

Catatan yang manakah betul?

- A

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Inventori	12 870	
Akaun Perdagangan		12 870
- B

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Perdagangan	12 870	
Akaun Inventori		12 870
- C

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Inventori	12 920	
Akaun Perdagangan		12 920
- D

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Perdagangan	12 920	
Akaun Inventori		12 920

12 Catatan penutupan Akaun Belian manakah yang betul?

- A

Akaun Belian

	RM		RM
Bank	2 000	Ambilan	10 000
Akaun Belum Bayar	10 000	Baki h/b	2 000
	12 000		12 000
Baki b/b	2 000		
- B

Akaun Belian

	RM		RM
Bank	2 000	Ambilan	10 000
Akaun Belum Bayar	10 000	Akaun Untung Rugi	2 000
	12 000		12 000
- C

Akaun Belian

	RM		RM
Bank	2 000	Ambilan	10 000
Akaun Belum Bayar	10 000	Akaun Perdagangan	2 000
	12 000		12 000
- D

Akaun Belian

	RM		RM
Bank	2 000	Ambilan	10 000
Akaun Belum Bayar	10 000	Akaun penamat	2 000
	12 000		12 000

- 13 Antara berikut, yang manakah **benar** tentang maksud asas tunai.
- A

Hasil direkodkan apabila tunai diterima.
- B

Hasil belum terima diiktiraf sebagai hasil.
- C

Hasil direkodkan dalam tempoh diperoleh.
- D

Hasil belum terperoleh tidak diiktiraf sebagai hasil.

14 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Double BB.

Perniagaan Double BB telah membayar insurans sebanyak RM900 sepanjang tempoh perakaunan, tetapi insurans yang sepatutnya dibayar bagi tahun semasa ialah RM600.

Apakah kesan pelarasan RM300 tersebut terhadap Penyata Kewangan?

- A Menambah belanja dalam akaun untung rugi.
- B Direkodkan sebagai aset semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- C Mengurangkan jumlah aset semasa penyata kedudukan kewangan.
- D Direkodkan sebagai liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

15 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Darren.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2026

Butir	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	11 820	
Peruntukan hutang ragu		350

Maklumat tambahan:

Nota debit yang dihantar kepada seorang pelanggan RM320 belum direkodkan.
Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

Pilih komponen dan amaun yang betul bagi peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belanja RM257
- B Belanja RM225
- C Hasil RM257
- D Hasil RM225

16 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Gemilang Enterprise.

Aset Bukan Semasa	Kos	Tarikh dibeli	Nilai buku pada 31 Disember 2025	Susut Nilai Terkumpul
Lengkapan	RM6 000	1 Januari 2024	RM4 335	RM1 665

Kadar susut nilai :15% setahun

Apakah kaedah susut nilai yang digunakan oleh perniagaan tersebut?

- A Garis lurus
- B Ansuran tetap
- C Penilaian semula
- D Baki berkurangan

- 17 Mengapakah Imbangan Duga Terselaras perlu disediakan oleh sesebuah perniagaan?
- A Untuk memastikan semua catatan pelarasan yang dibuat adalah betul dan seimbang.
 - B Untuk merekodkan ambilan barang niaga oleh pemilik.
 - C Untuk menghitung jumlah modal akhir perniagaan.
 - D Untuk menentukan baki akhir buku tunai di bank.
- 18 Antara yang berikut, kesilapan manakah yang akan menjejaskan keseimbangan Imbangan Duga.
- I Jualan RM850 kepada Annie telah direkodkan dalam Akaun Anna
 - II Belanja pos RM50 termasuk dalam Akaun Alat Tulis
 - III Caj bank RM280 telah direkodkan dalam Buku Tunai tetapi tiada catatan dalam Akaun Caj Bank
 - IV Rak pameran bernilai RM8 000 yang dibeli daripada Kedai IT Comptech telah dikreditkan dalam Akaun Perabot dan juga Kedai IT Comptech
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 19 Kesilapan berikut dijumpai selepas penyediaan Imbangan Duga Laila Trading.

Pulangan jualan telah dikreditkan dalam Akaun Pulangan Belian dan didebitkan dalam Akaun Belum Terima.

Apakah kesan terhadap untung kasar dan modal kerja selepas kesilapan di atas dibetulkan?

	Untung Kasar	Modal Kerja
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Berkurang	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

- 20 Antara berikut yang manakah merupakan tujuan analisis Penyata Kewangan disediakan?
- I Menilai prestasi
 - II Membuat keputusan
 - III Digunakan sebagai alat kawalan dalaman
 - IV Memaksimumkan keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Situasi manakah yang menggambarkan rekod tak lengkap dalam perniagaan?
- A Ahmad merekod bayaran gaji di Akaun Gaji dan Akaun Bank.
 - B Bala merekod jualan kredit di Jurnal Jualan dan membuat pemindahan ke lejar.
 - C Chan merekod ambilan tunai di Akaun Ambilan sahaja.
 - D Danish merekod belian perabot dengan cek ke Akaun Perabot dan Akaun Bank.

- 22 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Encik Raihan:

Modal Akhir	RM12 410
Ambilan	RM500
Modal Awal	RM7 090

Berapakah Untung Bersih perniagaan tersebut?

- A RM4 820
 - B RM5 820
 - C RM12 910
 - D RM19 500
- 23 Cik Mary tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2025.

2025		RM
Jan 1	Utiliti belum bayar	480
Dis 31	Jumlah pembayaran utiliti	3 460
	Utiliti prabayar	160

- A RM2 820
 - B RM3 140
 - C RM3 780
 - D RM4 100
- 24 Maklumat berikut berkaitan aspek kawalan dalaman pengendalian tunai.

Kawalan Dalaman	Aspek
X	Individu yang berlainan akan meluluskan dan membuat pembayaran.

Apakah X?

- A Kawalan fizikal
- B Pusingan tugas
- C Pendokumentasian
- D Pengasingan tugas

25 Kerani akaun Perniagaan Chantek menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan baki kredit di penyata bank.

Item manakah yang akan ditolak daripada baki kredit penyata bank tersebut?

- I Buku cek
- II Dividen
- III Cek belum dikemukakan
- IV Deposit belum dikreditkan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Berikut merupakan petikan Belanjawan Tunai DS Trading.

DS Trading
Belanjawan tunai bagi dua bulan berakhir 30 April 2026

Butiran	Mac RM	April RM
Baki b/b	30 000	110 000
Jumlah penerimaan	130 000	60 000
Jumlah pembayaran	50 000	20 000
Baki h/b	110 000	?

Maklumat tambahan:

Komisen jualan berjumlah RM1 000 sebulan belum diambil kira dalam jumlah penerimaan bulan Mac dan April.

Berapakah baki akhir Belanjawan Tunai pada 30 April 2026?

- A RM150 000
- B RM151 000
- C RM152 000
- D RM153 000

27 Pernyataan manakah yang benar mengenai kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?

- A Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi.
- B Faedah 8% sebulan dibayar atas pinjaman pekongsi.
- C Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal.
- D Gaji wajib dibayar kepada pekongsi yang menguruskan perkongsian.

28 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perkongsian Vitasu.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2025

	Debit RM	Kredit RM
Pinjaman daripada Pekongsi Vila		30 000
Faedah atas pinjaman Pekongsi Vila	900	

Maklumat tambahan:

Faedah atas pinjaman ialah 5% setahun.

Catatan yang manakah **benar** berkaitan dengan faedah atas pinjaman?

- A Kredit Akaun Semasa Vila RM900
 - B Debit Akaun Semasa Vila RM900
 - C Kredit Akaun Semasa Vila RM600
 - D Debit Akaun Semasa Vila RM900
- 29 Petikan Akaun Realisasi yang berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Ana dan Ani.

Akaun Realisasi

	2026	RM
	Mei 31 Akaun belum bayar	220

Apakah maksud catatan di atas?

- A Baki akaun belum bayar yang perlu dijelaskan semasa proses pembubaran.
- B Jumlah bayaran kepada pembekal semasa pembubaran setelah ditolak diskaun tunai.
- C Jumlah akaun belum bayar yang diambil alih oleh pekongsi selepas ditolak diskaun diterima.
- D Diskaun diterima daripada pembekal kerana menjelaskan hutang semasa proses pembubaran.

30 Aisy dan Akmal merupakan rakan kongsi dalam Perniagaan Ai & Ak. Mereka telah bersetuju untuk membubarkan perniagaan kerana Aisy akan berhijrah ke luar negara.

Berikut merupakan maklumat pada 30 Jun 2026:

Butiran	RM
Alatan Pejabat (Nilai buku)	15 000
Akaun Belum Terima	4 000

Alatan pejabat telah dijual dengan harga RM13 000 manakala hanya RM3 800 daripada Akaun Belum Terima berjaya dikutip.

Berapakah jumlah yang perlu didebitkan dalam Akaun Bank bagi merekod penerimaan tunai tersebut?

- A RM15 000
- B RM16 800
- C RM18 800
- D RM19 000

31 Apakah kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Syarikat?

- I Cara pembayaran dividen
 - II Tujuan penubuhan syarikat
 - III Peraturan penubuhan syarikat
 - IV Tarikh syarikat boleh dibubarkan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

32 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Elite Berhad pada 15 Mei 2025.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh

35 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer. 60 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer.

Tunjukkan catatan Jurnal Am untuk merekodkan urus niaga Modal Syer Biasa diterbitkan.

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025		RM	RM
Mei 15	Bank	60 000	
	Permohonan Syer Biasa		60 000

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025		RM	RM
Mei 15	Bank	60 000	
	Modal Syer Biasa		60 000

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025		RM	RM
Mei 15	Permohonan Syer Biasa	60 000	
	Modal Syer Biasa		60 000

D

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025		RM	RM
Mei 15	Permohonan Syer Biasa	70 000	
	Modal Syer Biasa		70 000

33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mesti Kukuh Berhad.

- Pada 1 Januari 2025, syarikat telah menerbitkan 300 000 unit 7% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer dan semua syer diterbitkan dan berbayar pada 28 Januari 2025.
 - Pada 1 Julai 2025, Syarikat telah mengisytiharkan dividen 7% Syer Keutamaan.
 - Bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen akhir Syer Keutamaan.

Berapakah dividen akhir?

- A RM8 750

B RM10 500

C RM12 250

D RM21 000
- 34 Apakah istilah yang digunakan dalam Kelab dan Persatuan sekiranya jumlah pendapatan hasil melebihi jumlah perbelanjaan hasil?
- A Untung Bersih

B Rugi Bersih

C Kurangan

D Lebihan

35 Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan Kelab Remaja Pahang pada 31 Mac 2026.

	RM
Yuran	12 500
Untung kiosk	4 500
Alat tulis	450
Belanja am	320
Utiliti	2 450
Honororium	780

Hitungkan nilai lebihan 31 Mac 2026.

- A RM8 500

B RM13 000

C RM17 500

D RM18 280
- 36 Apakah istilah yang digunakan untuk mewakili Ekuiti Pemilik bagi sebuah kelab dan persatuan?
- A Modal

B Lebihan

C Kurangan

D Dana terkumpul

- 37

Komponen manakah yang tidak termasuk dalam pengiraan Kos Prima?

A

Kos Bahan Langsung

B

Kos Buruh Langsung

C

Belanja Langsung

D

Kos Overhed
- 38

Antara berikut, yang manakah direkodkan dalam Akaun Pengeluaran?

I

Bayaran royalti

II

Susut nilai mesin

III

Belanja promosi

IV

Gaji kerani pejabat

A

I dan II

B

I dan IV

C

II dan III

D

III dan IV
- 39

Apakah istilah yang digunakan bagi harga jualan seunit tolak kos berubah seunit?

A

Dana terkumpul

B

Titik pulang modal

C

Margin caruman seunit

D

Lebihan
- 40

Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Sos Sedap untuk pengeluaran 1 000 botol sos sedap.

	RM
Sewa kilang	20 000
Insurans kilang	40 000
Kos berubah	10 000
Jumlah jualan	30 000

Hitung jumlah sos sedap yang perlu dikeluarkan sekiranya kilang mensasarkan keuntungan sebanyak RM30 000.

A

4 500

B

2 250

C

1 500

D

750

KERTAS SOALAN TAMAT